ZON CubPrix®

Live @ MalaysianCubPrix

Ikuti siaran langsung di tv1
pada **Ahad, 15 Mac, jam 2:00 - 4:30 petang**
(tertakluk pada perubahan)

PUSINGAN 1

LITAR LUMBA
TANGKAK

14-15 MAC 2020

PETRONAS HONDA YAMAHA ONEXOX NISSAN MAXXIS PRESA NGK RK-M SSS RCB uma racing KYT FDR KENDA KOYOKO KYB CORSA GATSBY SPRITZER SAMURAI SAM SDN. BHD.

XOX MOBILE

ONEXOX
Out There We Are One

DAPATKAN SIMKAD **SANG JUARA** DI BOOTH **ONEXOX**

Azlan Shah #25
ONEXOX TKKR SAG TEAM
Juara ARRC - ASB1000 2019

NO CONTRACT
FASTEST SPEED
BURNPROOF
SHAREABLE
28 MONTHS VALIDITY
UNLIMITED CALLS
1st DIGITIZED eSIM IN MALAYSIA

WWW.XOX.COM.MY
XOXMALAYSIA
1300 888 010

XOX AJL License Number (AJL 932178)

SPOKET KARAT
bersama ASAN AHMAD

Perubahan Adalah Untuk Kebaikan

SALAM sejahtera dan selamat berjumpa kembali di Kejuaraan Cub Prix Malaysia PETRONAS untuk musim 2020.

Setelah hampir tiga bulan 'berehat', kejuaraan terunggul negara ini kembali menemui peminatnya dan apa yang pasti saingan musim ini akan bertambah menarik dan mencabar.

Musim baharu, cabaran pun serba baharu, dan inilah keunikan kejuaraan ini yang sentiasa menghadirkan perubahan bagi memastikan ia terus kekal relevan, mencabar dan berdaya saing.

Tahun ini, Litar Lumba Tangkak di Johor akan menjadi venue untuk pusingan pembuka tirai yang dijadualkan berlangsung pada 14 dan 15 Mac ini.

Selepas Tangkak, ia akan beralih ke utara tanah air iaitu Batu Kawan, Pulau Pinang yang akan menjadi destinasi Pusingan 2.

Aksi di Batu Kawan akan berlangsung pada 28 dan 29 Mac.

Seperti yang semua sedia maklum, promoter kejuaraan, Safe Aim Mutual Sdn Bhd telah memperkenalkan kategori baharu pada saingan musim ini.

Buat pertama kalinya, kategori baharu iaitu kelas CP125 akan dipertandingkan bagi menggantikan kelas CP115 yang mula diperkenalkan di Cub Prix pada tahun 2010.

Perubahan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada semua pasukan kerana ia dikatakan memudahkan tugas mereka untuk mengumpul data terperinci berbanding CP115.

Ramai yang berpendapat bahawa kelas CP125 ini yang menggunakan 'fuel injection' amat baik untuk semua pasukan dan setiap pelumba lebih cepat belajar menerusi penilaian daripada data log yang dikumpul.

Apa pun, kita berharap agar perubahan itu akan menjadikan Cub Prix lebih menarik, sekali gus terus kekal memainkan peranan melahirkan lebih ramai pelumba yang dapat diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi suatu hari nanti.

Para pelumba, pasukan serta pegawai perlu ingat bahawa Cub Prix adalah langkah permulaan sebelum melanjutkan karier mereka ke pentas antarabangsa.

Nilai-nilai profesional pula sentiasa diterapkan dalam kejuaraan Cub Prix agar reputasinya setanding dengan kejuaraan-kejuaraan antarabangsa yang lainnya.

BUAT PERTAMA KALINYA, KATEGORI BAHARU IAITU KELAS CP125 AKAN DIPERTANDINGKAN BAGI MENGGANTIKAN KELAS CP115 YANG MULA DIPERKENALKAN DI CUB PRIX PADA TAHUN 2010.

Selain perubahan di litar lumba, pihak penganjur juga melakukan sedikit perubahan berkenaan akreditasi untuk media.

Meskipun ramai yang 'kurang senang' dengan perubahan kecil itu, tetapi tujuan utamanya adalah untuk mendidik nilai-nilai professional dalam kalangan rakan-rakan media sebelum membuat liputan acara besar seperti Cub Prix.

Bagi rakan-rakan media yang sudah terbiasa memohon akreditasi media untuk suatu kejohanan besar, ia bukan satu masalah buat mereka, tetapi bagi mereka yang TIDAK terbiasa, pastinya berasa kecewa.

Perlu diingat bahawa Cub Prix bukan kejuaraan kelas bawahan. Ia merupakan satu kejuaraan berprestij dan urusan untuk memohon akreditasi media juga perlu dibuat dengan cara yang lebih profesional.

Bagi mereka yang sudah terbiasa membuat liputan kejuaraan MotoGP mahupun, F1, mereka pasti dapat memahaminya bagaimana proses permohonan serta kelulusan dilakukan.

Jadi, urusan pas media untuk Cub Prix juga sedang bergerak ke arah itu, seperti mana yang diamalkan oleh unit media MotoGP mahupun F1.

Cub Prix sudah tidak boleh dilihat sebagai acara kelas bawahan kerana kejuaraan sukan dua roda negara ini sudah memiliki reputasi yang sangat tinggi.

Selain itu, perubahan ini adalah untuk menentukan setiap pemegang akreditasi media Cub Prix ini betul-betul membantu dari segi publisiti untuk kejuaraan ini dan diterbitkan atau disiarkan dalam organisasi masing-masing.

Sejak beberapa tahun lalu, ramai individu yang datang membuat liputan, tetapi publisiti untuk Cub Prix sangat mengecewakan.

Jadi, dengan sedikit perubahan dari segi mengeluarkan akreditasi media tahun ini, saya berharap agar Cub Prix mendapat publisiti meluas kerana ia adalah medan untuk melahirkan pelumba Malaysia melangkah ke pentas dunia.

Sebarang perubahan pasti tidak disenangi, tetapi matlamatnya adalah untuk membawa kebaikan.

Fikir-fikirkanlah dan jumpa lagi.

INFO LITAR TANGKAK, JOHOR

Arah perlumbaan : Lawan jam
Jumlah selekoh : 9



Jadual Perlumbaan Pusingan 9, Tangkak, Johor – 14 & 15 Mac 2020

Jumaat – 13 mac 2020		
Masa	**Kategori**	**Jadual**
15.00 – 17.30	CP150, CP125 & WIRA KBS	Riders Registration
1600	CP150 (Rider's Only)	Rider's Briefing

Sabtu – 14 Mac 2020		
Masa	**Kategori**	**Jadual**
07.30 – 09.00	Pro Am Cup, Yamaha OMR & Honda OMR	Riders Registration
08.00	Rider's Briefing	ALL RIDERS
09.00 – 09.15 (15 Min)	CP150	Free Practice 1
09.25 – 09.40 (15 Min)	CP125 (A)	Free Practice 1
09.50 – 10.05 (15 Min)	CP125 (B)	Free Practice 1
10.15 – 10.25 (10 Min)	WIRA (A)	Free Practice 1
10.35 – 10.45 (10 Min)	WIRA (B)	Free Practice 1
10.55 – 11.10 (15 Min)	CP150	Free Practice 2
11.20 – 11.35 (15 Min)	CP125 (A)	Free Practice 2
11.45 – 12.00 (15 Min)	CP125 (B)	Free Practice 2
12.10 – 12.20 (10 Min)	WIRA (A)	Free Practice 2
12.30 – 12.40 (10 Min)	WIRA (B)	Free Practice 2
REHAT		
13.00 – 13.10 (10 Min)	PETRONAS SPRINTA PRO AM CUP (A)	Free Practice
13.20 – 13.30 (10mni)	PETRONAS SPRINT PRO AM CUP (B)	Free Practice
13.40 – 13.50 (10 Min)	YAMAHA PETRONAS SUPER SERIES	Free Practice
14.00 – 14.10 (10 Min)	HONDA DASH 125 CHALLENGE	Free Practice
14.20 – 14.30 (10 Min)	AEON CREDIT SERVICE YAMAHA NVX CHALLENGE	Free Practice
14.40 – 14.50 (10 Min)	WIRA (A)	Qualifying
15.00 – 15.10 (10 Min)	WIRA (B)	Qualifying
15.20 – 15.35 (15 Min)	CP150	Qualifying
15.45 – 15.55 (10 Min)	CP125 (A)	Qualifying
16.05 - 16.15 (10 Min)	CP125 (B)	Qualifying
16.25 – 16.35(10 Min)	PETRONAS SPRINTA PRO AM CUP (A)	Qualifying
16.45 – 16.55 (10 Min)	PETRONAS SPRINTA PRO AM CUP (B)	Qualifying
17.05 – 17.15 (10 Min)	WIRA (Pos. 1 – 5) (A & B)	Shoot Out (Grid 1-10)
17.25 – 17.35 (10 Min)	YAMAHA PETRONAS SUPER SERIES	Qualifying
17.45 – 17.55 (10 Min)	HONDA DASH 125 CHALLENGE	Qualifying
18.05 – 18.15 (10 Min)	AEON CREDIT SERVICE YAMAHA NVX CHALLENGE	Qualifying

Ahad – 15 Mac 2020		
Masa	**Kategori**	**Jadual**
08.15 – 08.25 (10 Min)	CP125 (A)	Warm Up
08.35 – 08.45 (10 Min)	CP125 (B)	Warm Up
08.55 – 09.05 (10 Min)	WIRA (A)	Warm Up
09.15 – 09.25 (10 Min)	WIRA (B)	Warm Up
09.35 – 09.45 (10 Min)	CP150	Warm Up
09.55 – 10.05 (10 Min)	YAMAHA PETRONAS SUPER SERIES	Warm Up
10.15 – 10.25 (10 Min)	HONDA DASH 125 CHALLENGE	Warm Up
10.35 – 10.45 (10 Min)	CP125 (Pos.1 – 5) (A & B)	Shoot Out (Grid 1-10)
10.55 – 11.05 (10 Min)	AEON CREDIT SERVICE YAMAHA NVX CHALLENGE	Warm Up
11.10	PETRONAS SPRINTA PRO AM CUP (A)	Heat – 8 Laps
11.35	PETRONAS SPRINTA PRO AM CUP (B)	Heat – 8 Laps
12.00	CP150 (Pos. 1 – 10)	Super Pole (Grid 1-10)
12.40	YAMAHA PETRONAS SUPER SERIES	Race – 10 Laps
13.20	HONDA DASH 125 CHALLENGE	Race – 10 Laps
REHAT		
14.30	WIRA	Race – 12 Laps
15.05	CP125	Race – 15 Laps
15.50	CP150	Race – 20 Laps
16.35	PETRONAS SPRINTA PRO AM CUP	Race – 10 Laps
17.05	AEON CREDIT SERVICE YAMAHA NVX CHALLENGE	Race – 8 Laps

Barisan Pelumba Yang Bakal Mewa

1	12	Md Fitri Ashraff Razali	Honda	HONDA RCB SOLARALERT Cilik Team
2	13		Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor
3	16	Md Khairul Ikhwan Ajis	Yamaha	AHM Motorsports
4	18	Tengku Amirul Haffirudin	Yamaha	Motul Yamaha YY Pang Racing
5	20	Azroy Hakeem Anuar	Honda	Idemitsu Honda Yuzy Racing
6	22	Md Ramdan Rosli	Yamaha	ONEXOX TKKR SAG Team
7	23	Md Rozaiman Md Said	Honda	HONDA RCB SOLARALERT Cilik Team
8	24		Honda	Hi Rev SCK Honda Racing
9	26	Md Zaki A Zamri	Yamaha	AHM Motorsports
10	27		Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor
11	28	Md Afizi Supaat	Honda	HONDA RCB SOLARALERT Cilik Team
12	29		Honda	Hi Rev SCK Honda Racing
13	32	Md Helmi Azman	Honda	Hi Rev SCK Honda Racing
14	42		Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor
15	50	Ahmad Afif Amran	Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - CKJ Racing
16	55	Md Aiman Tahiruddin	Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - CKJ Racing
17	63	Md Harith Farhan Baharin	Honda	Idemitsu Honda Yuzy Racing
18	76	Md Amirul Ariff Musa	Honda	Idemitsu Honda Yuzy Racing
19	77	Md Idil Fitri Mahadi	Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - CKJ Racing
20	87	Nazirul Izzat Md Bahauddin	Yamaha	ONEXOX TKKR SAG Team
21	88	Md Azhar Abd Jalil	Yamaha	Motul Yamaha YY Pang Racing
22	92	Md Muzakkir Mohamed	Yamaha	ONEXOX TKKR SAG Team
23	98	Md Izzat Zaidi Md Salehan	Yamaha	Motul Yamaha YY Pang Racing
24	99	Md Iqbal Amri Abdul Malek	Yamaha	AHM Motorsports

rnai Cub Prix Malaysia Musim 2020

1	14	Md Haziq Md Hamdan	Yamaha	ELF Koyoko Honda KC Racing Team
2	17	Saiful Azhary Muhamad	Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - CKJ Racing
3	18	Md Adib Rosley	Yamaha	Motul Yamaha YY Pang Racing
4	22	Md Shafiq Rasol	Yamaha	ONEXOX TKKR SAG Racing Team
5	24	Md Hafiza Rofa	Yamaha	ONEXOX TKKR SAG Racing Team
6	28	Md Khairi Asyraf Mahmood	Yamaha	Motul Zeneos Yamaha YY Pang Racing
7	32		Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor
8	33	Md Shahzul Naim Razali	Honda	Hi Rev SCK Honda Racing
9	36		Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor
10	39	Md Aiman Azman	Honda	Hi Rev SCK Honda Racing
11	47	Md Syafieq Aiman Md Fauzi	Yamaha	ONEXOX SAG Team
12	50	Ahmad Syukran Aizat Md Yusoff	Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - CKJ Racing
13	52	Md Harith Farhan Baharin	Honda	Idemitsu Kozi DFZ Yam Honda Racing
14	53	Awal M Al Fikri Yusni	Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - CKJ Racing
15	57	Md Faiz Zekri Sabri	Yamaha	ONEXOX SAG Team
16	61	Shahrol Syazras Shahrol Yuzy	Honda	Idemitsu Honda Yuzy Racing
17	68	Md Fareez Afeez Abd Rahman	Yamaha	Motul Yamaha YY Pang Racing
18	98	Md Firdaus Md Hamdan	Honda	ELF Koyoko Honda KC Racing Team

Barisan Pelumba Yang Bakal Mewa

1	13	Md Farish Iqmal Khayrul Elyas		Honda	ELF Koyoko Honda KC Racing Team
2	16	Md Aeiman Hafidz Shahril		Yamaha	ONEXOX SAG Team
3	18	Md Izham Hanafi Amran		Honda	Idemitsu Kozi DFZ Yam Honda Racing
4	19	Md Idlan Haqimi Raduan		Honda	Idemitsu Kozi DFZ Yam Honda Racing
5	21	Md Norhakim M Norhafizullah		Yamaha	ONEXOX SAG Team
6	22	Md Haziq Rosmaza		Yamaha	
7	23	Md Harith Rosmaza		Yamaha	
8	25	Md Hazim Md Fairues		Honda	ELF Koyoko Honda KC Racing Team
9	26	Md Syahmi M Anuar		Honda	Idemitsu Kozi DFZ Yam Honda Racing
10	28	Akif Hakimi Zainuddin		Yamaha	WIRAMUDA V-FIERTECH Academy Racing
11	29	Md Faris Amir		Yamaha	FAR RCB Racing Academy
12	30			Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - 31 Racing
13	31			Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - 31 Racing
14	32			Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - 31 Racing
15	33			Yamaha	PETRONAS Sprinta Yamaha - 31 Racing
16	41	Md Hazman M Zamri		Yamaha	FAR RCB Racing Academy
17	42	Md Izzat M Raduan		Yamaha	ONEXOX SAG Team
18	58	Imran Syamil Abdullah		Yamaha	WIRAMUDA V-FIERTECH Academy Racing
19	68			Honda	Yuzy Team
20	69	Md Farid Hakimi Farid Sezli		Honda	Idemitsu Kozi DFZ Yam Honda Racing
21	86			Honda	Yuzy Team

rnai Cub Prix Malaysia Musim 2020

YAMAHA PETRONAS SUPER SERIES				
1	1	Airel Husaini		Yamaha Lagenda 115 si
2	2	Ammeer Dhiyaulhaq Erman Zuhady		Yamaha Lagenda 115 si
3	3	Danial Johan		Yamaha Lagenda 115 si
4	4	Md Danish Fitri Aimizam		Yamaha Lagenda 115 si
5	5	Md Adib Kharith Abu Bakar		Yamaha Lagenda 115 si
6	6	Md Ashraffi M Razi		Yamaha Lagenda 115 si
7	7	Md Aidil Mohamad Ayub		Yamaha Lagenda 115 si
8	8	Mohd Afeez Aiman		Yamaha Lagenda 115 si
9	9	Md Afiq Mohd Hamdan		Yamaha Lagenda 115 si
10	10	Md Alif Izwan Samsul Fakry		Yamaha Lagenda 115 si
11	11	Muhammad Amirul		Yamaha Lagenda 115 si
12	12	Md Danish Aiman Zamrul		Yamaha Lagenda 115 si
13	13	Md Faiz Khairul Azmi		Yamaha Lagenda 115 si
14	14	Md Hadif Danial Ahmad Mokhlis		Yamaha Lagenda 115 si
15	15	Md Haziq Hakimy Kamaruddin		Yamaha Lagenda 115 si
16	16	Md Ibnil Hafiz Jamaluddin		Yamaha Lagenda 115 si
17	17	Md Nur Haikal		Yamaha Lagenda 115 si
18	18	Muhammad Yusdaniel Haqim Mohd Fairuz		Yamaha Lagenda 115 si
19	19	Md Afiq Kharith Abu Bakar		Yamaha Lagenda 115 si
20	20	Putera Alif Irfan Abdullah		Yamaha Lagenda 115 si

HONDA DASH 125 CHALLENGE				
1	2	Adib Hareez Hazwat		Honda Wave Dash 125
2	3	Aisy Izz Hafiy Hairul Hafiz		Honda Wave Dash 125
3	4	Alif Imran Ahmad Husni		Honda Wave Dash 125
4	5	Amirun Haziq Johan		Honda Wave Dash 125
5	6	Azfar Adam Azhar		Honda Wave Dash 125
6	7	Hezriq Shah Mohamad		Honda Wave Dash 125
7	8	Hijjaz Nur Kasih Mohd Zaki		Honda Wave Dash 125
8	9	Md Danish Zarif Mohd Khairil Zakri		Honda Wave Dash 125
9	10	Md Faiz Nazmi Muhd Raduan		Honda Wave Dash 125
10	11	Md Imran Hakim Abd Rahaman		Honda Wave Dash 125
11	12	Md Farid Hakimi Hussney		Honda Wave Dash 125
12	13	Md Hakim Danish Ramli		Honda Wave Dash 125
13	14	Md Irfan Haykal Amidi		Honda Wave Dash 125
14	15	Md Nabil Mohd Alib		Honda Wave Dash 125
15	16	Md Nu'man Hakimi Hafiz		Honda Wave Dash 125
16	17	Nabil Abd Rahman		Honda Wave Dash 125
17	18	Noor Fakrul Adam Noor Farizal		Honda Wave Dash 125
18	19	Syed Hafizul Azim Syed Haslan		Honda Wave Dash 125

Kelas CP125
Cabaran Baharu Di Cub Prix

MUSIM baharu, cabaran pun serba baharu.

Ini yang bakal disaksikan pada Kejuaraan Cub Prix Malaysia PETRONAS musim 2020 yang akan membuka tirainya di Litar Lumba Tangkak, Johor pada 14 dan 15 Mac ini.

Promoter kejuaraan, Safe Aim Mutual Sdn Bhd, terus mengambil inisiatif untuk membawa perubahan terhadap perlumbaan paling berprestij di Malaysia itu.

Bagi memastikan kejuaraan nasional itu semakin mencabar, maka musim 2020 bakal memperkenalkan kategori baharu iaitu CP125.

Ia akan menggantikan kelas CP115 yang mula diperkenalkan di Cub Prix pada tahun 2010.

Perubahan itu ternyata mendapat sambutan yang baik daripada pasukan yang bersaing dalam kejuaraan nasional itu kerana kategori baharu itu akan memudahkan semua pasukan untuk mendapatkan data terperinci berbanding CP115.

Kelas CP125 ini menggunakan 'fuel injection' dan ia memberi ruang kepada pasukan untuk mendapatkan data terperinci sama ada daripada aspek GPS, log data, pengesahan suhu mahupun 'speed limiter'.

Namun, beberapa bahagian elektroniknya perlu ditambah menggunakan produk bersesuaian bagi membantu mengesan d ata yang diperlukan.

Selain itu, CP125 ini turut memberi kelebihan kepada para pelumba kerana ia akan memberi ruang kepada mereka untuk belajar berdasarkan data yang telah dikumpulkan.

Justeru, maka tidak hairan kenapa perubahan ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua pasukan yang beraksi di Cub Prix kerana ia satu langkah yang sangat positif dalam usaha untuk menambahkan lagi warna baharu dalam kekjuaraan dua roda tertua di negara ini.

Ia akan memberi kelebihan bukan sahaja kepada pelumba, tetapi juga kepada para mekanik, sekali gus akan membantu memudahkan tugas masing-masing.

Sejak kelas CP115 diperkenalkan kira-kira 10 tahun lalu, banyak perkara menarik dapat disaksikan terutama dalam perebutan untuk gelaran juara keseluruhan.

Tiada pelumba yang mampu mengekalkan kejuaraan dan ia sering bertukar tangan pada setiap tahun.

Namun, tradisi tersebut berubah pada edisi 2016 dan 2017 yang menyaksikan pelumba asal Kuala Lumpur, Mohd. Akid Aziz berjaya mempertahankannya.

Dia satu-satunya pelumba yang mampu melakar gelaran juara keseluruhan dua tahun berturut-turut.

Apa pun, dengan kehadiran kategori baharu pada edisi 2020 ini nanti, ia akan membuka persaingan yang lebih sihat kepada semua pelumba serta pasukan.

Juara terdahulu kelas CP115	
2010	Ramdan Rosli
2011	Shahril Izzuwan Mohd Noor
2012	Amirul Ariff Musa
2013	Ahmad Afif Amran
2014	Izzat Zaidi
2015	Kasma Daniel Kasmayudin
2016	Akid Aziz
2017	Akid Aziz
2018	Tengku Amirul Haffiruddin
2019	Ahmad Syukran Aizat

Apa kata pengurus pasukan mengenai kelas CP125

"Perubahan ini dilihat sangat baik iaitu daripada karburator ke injection. Pada masa yang sama, setiap perubahan itu akan melibatkan kos yang tinggi tetapi apabila perubahan dah berlaku dan berlumba dalam kelas CP125, saya berpendapat kos akan menjadi lebih rendah sebab dalam injection macam-macam perkara boleh dibuat, jadi saya rasa ia baik juga untuk pelumba.

Jadi, kepada para pelumba yang bermula daripada bawah, injection ini membolehkan kita mengumpul maklumat baik dari segi tunggangan. Ia memang cukup baik untuk semua pasukan terutama pasukan kami. Kami berharap pertukaran dari CP115 ke CP125 adalah pertukaran yang baik. InsyaAllah tahun 2020 ni kami akan dapat keputusan yang baik untuk CP125."

- **Shahrol Yuzy Ahmad Zaini (Idemitsu Honda Yuzy Racing)**

"Bagi saya perubahan kelas CP115 kepada CP125 amat bagus sebab apa yang kita lihat kategori 115 sudah terlalu lama dipertandingkan. Saya percaya kelas CP125 ini bagus buat semua pasukan dan pelumba untuk belajar. Kalau kita lihat, CP125 ni menggunakan fuel injection dan setiap pelumba lebih cepat belajar memandangkan pasukan akan mempunyai data log. Dalam masa yang sama, setiap sesi kita boleh buka data log untuk menilai kelemahan seseorang pelumba,"

- **Ahmad Fuad Baharuddin**

"Kelas CP115 sebenarnya memberi kelebihan kepada para pelumba saya. Langkah memperkenalkan kelas CP125 mungkin tiada beza dan pelumba saya tetap mampu melakukan yang terbaik. Model baharu agak berbeza jadi mungkin rider perlukan beberapa se si latihan untuk menyesuaikan diri dengan jentera baharu."

- **Pang Yoke You (Motul Yamaha YY Pang Racing)**

HONDA
WAVE α
RUTIN KINI
LUAR
BIASA

Boon Siew Honda Sdn. Bhd. 200401038385 (676896-A)
721, Persiaran Cassia Selatan 1, Kawasan Perindustrian Batu Kawan,
14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.

HQ 04 506 3333 **KL** 03 6259 3516 / 03 6259 3517
JOHOR 07 244 8877 / 07 244 7557 **TERENGGANU** 09 624 0767 / 09 624 0746

*Talian Pelanggan **1800 88 3993** / **012-499 3991***
*Waktu Operasi **Isnin – Jumaat (9pg – 5ptg). Tutup pada hari cuti umum***

www.**hondamotorcycle**.com.my
Honda Motorcycle Malaysia
hondamotorcycle.my

SEMANGAT. IMPIAN.
EEV
NASIHAT PENGANGAN SELAMAT Honda
• PELIHARA ALAM SEKITAR
• SENTIASA MEMAKAI TOPI KELEDAR
• TUNGGANG DENGAN SELAMAT
• BACA MANUAL PEMILIK DENGAN TELITI SEBELUM MENUNGGANG
Gunakan alat ganti Honda yang tulen
Gunakan Minyak Pelinair Honda untuk prestasi lebih unggul

Imbasan pusingan punutup tirai edisi 2019 di Litar Antarabnagsa Sepang

Detik Terindah Buat CKJ Racing



CP150

CP115

PASUKAN PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing sapu bersih gelaran juara keseluruhan bagi dua kelas utama pada Kejuaraan Cub Prix Malaysia PETRONAS 2019 yang menutup tirai di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) pada 8 Disember 2019 lalu.

Pasukan yang berpangkalan di Kemaman, Terengganu itu sudah ada alasan untuk berpesta selepas berjaya mendakap empat gelaran juara keseluruhan bagi kelas CP115 dan juga CP150.

Selain muncul juara keseluruhan kategori pelumba bagi kelas CP115 menerusi Ahmad Syukran Aizat Md Yusoff, mereka juga membawa pulang mahkota keseluruhan bagi kategori pasukan.

Begitu juga dengan kelas CP150 yang menyaksikan mereka meraih mahkota keseluruhan bagi kategori pelumba menerusi Ahmad Afif Amran dan juga pasukan.

Tahun 2019 merupakan musim cemerlang buat pasukan CKJ Racing meskipun pada awalnya mereka hanya meletakkan sasaran memburu satu gelaran sahaja, sebaliknya empat yang berjaya dibawa pulang.

"Ini adalah hasil kerja keras semua anggota dalam pasukan baik pengurusan pasukan, pelumba barisan jurutera serta para penyokong yang sentiasa memberi semangat kepada kami.

"Kami sangat mengutamakan disiplin dalam pasukan dan inilah hasilnya," jelas pemilik CKJ Racing, Che Ku Jonaidi Che Ku Sin.

Menurutnya, mereka akan terus berpegang dengan budaya kerja yang telah diamalkan sejak sekian lama dalam pasukan bagi menjamin kestabilan serta keharmonian berterusan.

Pihaknya juga akan turut memberi fokus terhadap aspek pembangunan pelumba dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai pelumba berwibawa dalam pasukan pada masa akan datang.

Pada saingan musim ini, CKJ Racing menutup kempen dengan meraih 242 mata dalam kelas CP115 bagi kategori pasukan, sekali gus membolehkan mereka bergelar juara keseluruhan manakala dalam kelas CP150 pula, mereka meraih 249 mata.

Bagi kategori pelumba, Afif Amran berjaya mengumpul 167 mata untuk menjulang mahkota kelas CP150 manakala Ahmad Syukran Aizat Md Yusoff yang menggenggam gelaran juara keseluruhan bagi kelas CP115, menamatkan kempen dengan 176 mata.

Bagi Syukran, ia momen paling manis dalam kariernya kerana penantian selama lima tahun untuk berada di puncak kejayaan akhirnya tercapai.

WIRA

YAMAHA PETRONAS SUPER SERIES

HONDA DASH 125 CHALLENGE

PETRONAS SPRINTA PRO-AM CUP

CABARAN AEON CREDIT SERVICE YAMAHA NVX

"Kemenangan ini sangat bermakna buat saya. Saya telah menunggu selama lima tahun dan akhirnya tercapai juga," jelas Syukran.

Pada perlumbaan akhir hari ini, kelas CP115 dimenangi pelumba pasukan Motul Yamaha YY Pang Racing, Md Adib Rosley dengan masa 11:24.147 saat (s) manakala tempat kedua dimenangi Md Syarifuddin Azman (Idemitsu Kozi DFZ Yam Honda Racing) dengan masa 11:24.172s.

Tempat ketiga dimiliki Ahmad Syukran dengan catatan masa 11:24.215s.

Bagi saingan akhir kelas CP150 pula, Azroy Hakeem Anuar (Idemitsu Honda Yuzy Racing) tampil dalam kelas tersendiri untuk memenangi perlumbaan tersebut dengan masa 14:33.350s.

Ahmad Afif berada di kedudukan kedua dengan masa 14:33.454s manakala Md Muzakkir Mohamed (ONEXOX TKKR SAG Team) di tempat ketiga dengan masa 14:33.517s.

Dengan kemenangan hari ini, Azroy mengesahkan kedudukannya selaku naib juara keseluruhan kelas CP150 dengan 127 mata manaka pelumba pasukan PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor, Md Akid Aziz di tempat ketiga dengan 125 mata.

Aksi penutup tirai di SIC hari ini antara yang termeriah musim ini apabila lebih 8,000 penonton hadir untuk menyaksikan kejuaraan sukan dua roda paling berprestij negara itu.

KEPUTUSAN PUSINGAN 10 CUB PRIX EDISI 2019

Keputusan CP150 (Perlumbaan akhir)			
1.	Azroy Hakeem Anuar	Idemitsu Honda Yuzy Racing	14:33.350s
2.	Ahmad Afif Amran	PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing	14:33.454s
3.	Md. Muzakkir Mohamed	ONEXOX TKKR SAG Team	14:33.517s
4.	Md Akid Aziz	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor	14:33.701s
5.	Md Hafiza Rofa	ONEXOX TKKR SAG Team	14:33.852s
Kedudukan Keseluruhan Pelumba			
1.	Ahmad Afif Amran	PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing	167 mata
2.	Azroy Hakeem Anuar	Idemitsu Honda Yuzy Racing	127
3.	Md Akid Aziz	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor	125
4.	Md Haziq Md Fairues	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor	93
5.	Md Helmi Azman	Hi Rev SCK Honda Racing	86
Kedudukan Keseluruhan Pasukan			
1.		PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing	249 mata
2.		PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor	228
3.		Idemitsu Honda Yuzy Racing	188
4.		Motul Yamaha YY Pang Racing	187
5.		ONEXOX TKKR SAG Team	162

Keputusan CP115 (Perlumbaan akhir)			
1.	Md Adib Rosley	Motul Yamaha YY Pang Racing	11;24.147s
2.	Md Syarifuddin Azman	Idemitsu Kozi DFZ Yam Honda Racing	11:24.172s
3.	Ahmad Syukran Aizat Md Yusoff	PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing	11:24.215s
4.	Md Syafiq Rosli	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor	11:24.219s
5.	Md Fareez Afeez Abd Rahman	Motul Yamaha YY Pang Racing	11:24.728s
Kedudukan Keseluruhan Pelumba			
1.	Ahmad Syukran Aizat Md Yusoff	PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing	176 mata
2.	Md Syafiq Rosli	PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor	166
3.	Md Adib Rosley	Motul Yamaha YY Pang Racing	107
4.	Md Aiman Azman	Idemitsu Honda Yuzy Racing	105
5.	Md Khairi Asyraf Mahmood	Motul Yamaha YY Pang Racing	98
Kedudukan Keseluruhan Pasukan			
1.		PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing	242 mata
2.		Motul Yamaha YY Pang Racing	225
3.		PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor	219
4.		Idemitsu Honda Yuzy Racing	169
5.		ELF Koyoko Honda KC Racing	95

Imbasan

Berikut adalah barisan pelumba yang muncul juara pusingan pada edisi 2019

Pusingan 1
Venue : Jasin, Melaka (23-24 Mac 2019)
Juara CP150 : Azroy Hakeem Anuar (Idemitsu Honda Yuzy Racing)
Juara CP115 : Md Fareez Afeez Abd Rahman (Motul Yamaha YY Pang Racing)
Juara Wira : Md Zaki Ahmad Zamri (MOS William #LLRKS CYT Racing)

Pusingan 2
Venue : Batu Kawan, Pulau Pinang (13-14 April 2019)
Juara CP150 : Azroy Hakeem Anuar (Idemitsu Honda Yuzy Racing)
Juara CP115 : Md Syafiq Rosli (PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor)
Juara Wira : Md Aliff Danial Md Asri (PETRONAS Sprinta Yamaha-31 Racing)

Pusingan 3
Venue : Tangkak, Johor (3-4 Mei 2019)
Juara CP150 : Ahmad Afif Amran (PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing)
Juara CP115 : Md Adib Rosley (Motul Yamaha YY Pang Racing)
Juara Wira : Md Zaki Ahmad Zamri (MOS William #LLRKS CYT Racing)

Pusingan 4
Venue : Pontian, Johor (20-21 Julai 2019)
Juara CP150 : Md Azhar Abd Jalil (Motul Yamaha YY Pang Racing)
Juara CP115 : Md Syafiq Rosli (PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor)
Juara Wira : Md Zaki Ahmad Zamri (MOS William #LLRKS CYT Racing)

Pusingan 5
Venue : Kuala Terengganu (23-24 Ogos 2019)
Juara CP150 : Azroy Hakeem Anuar (Idemitsu Honda Yuzy Racing)
Juara CP115 : Md Adib Rosley (Motul Yamaha YY Pang Racing)
Juara Wira : Aliff Danial Md Asri (PETRONAS Sprinta Yamaha-31 Racing)

Pusingan 6
Venue : Teluk Intan, Perak (7-8 September 2019)
Juara CP150 : Tengku Amirul Haffirudin (Motul Yamaha YY Pang Racing)
Juara CP115 : Ahmad Syukran Aizat Md Yusoff (PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing)
Juara Wira : Md Zaki Ahmad Zamri (MOS William #LLRKS CYT Racing)

Pusingan 7
Venue : Kangar, Perlis (5-6 Oktober 2019)
Juara CP150 : Nazirul Izzat Md Bahauddin (ONEXOX TKKR SAG Team)
Juara: CP115 : Md Syafiq Rosli (PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor)
Juara Wira : Awal M Al Fikri Yusni (PETRONAS Sprinta Yamaha-31 Racing)

Pusingan 8
Venue : Tangkak, Johor (18-19 Oktober 2019)
Juara CP150 : Md Haziq Md Fairues (PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor)
Juara CP115 : Md Syafiq Rosli (PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor)
Juara Wira : Md Izzat M Raduan (ONEXOX SAG Team)

Pusingan 9
Venue : Jempol, Negeri Sembilan (16-17 November 2019)
Juara CP150 : Md Akid Aziz (PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor)
Juara CP115 : Ahmad Syukran Aizat Md Yusoff (PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing)
Juara Wira : Abdullah Qayyum A Razak (AFB TECH Racing)

Pusingan 10
Venue : Litar Antarabangsa Sepang, Selangor (7-8 Disember 2019)
Juara CP150 : Azroy Hakeem Anuar (Idemitsu Honda Yuzy Racing)
Juara CP115 : Md Adib Rosley (Motul Yamaha YY Pang Racing)
Juara Wira : Abdullah Qayyum A Razak (AFB TECH Racing)

Tangkak Terhebat

Bakal Sajikan Perlumbaan



KEJUARAAN Cub Prix Malaysia PETRONAS 2020 kembali menemui peminatnya pada 13 dan 14 Mac ini.

Litar Lumba Tangkak di Johor akan menjadi destinasi untuk mementaskan aksi Pusingan 1 kejuaraan motosikal berprestij negara itu.

Litar sepanjang 1.025 kilometer itu memang tidak asing lagi bagi barisan pelumba tempatan, dan sebahagian besar daripada mereka sangat menggemarinya.

Ramai berpendapat, venue tersebut antara yang paling mencabar dan pelumba yang memiliki kemahiran yang tinggi akan mendapati mudah untuk menguasainya.

Ia mempunyai laluan lurus terpanjang sejauh 290 meter serta mempunyai tujuh selekoh kiri dan dua selekoh kanan dengan laluan melawan arah jam.

Tiga selekoh awal di litar berkenaan memerlukan kelajuan jentera dan pelumba yang memiliki kemahiran tersebut pasti mudah untuk menawannya.

Musim lalu, pelumba pasukan PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing, Ahmad Afif Amran berjaya mencuri tumpuan apabila memenangi perlumbaan kelas CP150 di litar yang cukup mencabar ini.

Dia muncul juara pada aksi Pusingan 3 edisi 2019 itu, namun apabila saingan Pusingan 8 kembali ke litar berkenaan, dia sekadar menamatkan perlumbaan di tempat kedua, di belakang pelumba pasukan PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor, Md Haziq Md Fairues.

Berdasarkan dua keputusan tersebut, Litar Lumba Tangkak sememangnya menjadi kegemaran Afif, lebih-lebih lagi dengan gaya tunggangannya yang amat sesuai untuk dipamerkan di litar tersebut.

Mampukah pelumba asal Terengganu itu menguasai saingan di Tangkak hujung minggu ini seperti mana yang dibuktikannya pada edisi musim lalu.

Ia persoalan yang sukar untuk dijawab kerana semua pelumba akan tampil dengan semangat serta misi baharu musim ini.

Pelumba-pelumba lain yang kurang menyerlah pada peringkat awal musim 2019 lalu, telah membuktikan kehebatan masing-masing pada penghujung musim dan perkembangan ini pasti menjanjikan persaingan lebih sengit tahun ini.

Antara pelumba yang perlu diberi perhatian musim ini sudah pastinya Azroy Hakeem Anuar (Idemitsu Honda Yuzy Racing), Md Akid Aziz (PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor), Md Helmi Azman (Hi Rev SCK Honda Racing) dan ramai lagi.

Namun, berdasarkan senarai penyertaan awal untuk musim ini, antara nama besar dalam sukan permotoran yang bakal kembali ke Cub Prix termasuk Md Ramdan Rosli yang akan menggalas cabaran pasukan ONEXOXTKKR SAG Team.

Kehadiran Ramdan mungkin akan menyerikan lagi saingan musim ini kerana kehebatannya memang tidak boleh dipertikaikan lagi.

Turut beraksi dalam kelas CP150 tahun ini adalah jaguh kelas Wira musim lalu, Md Zaki Zamri dan pelumba asal Selangor ini bakal menggalas cabaran pasukan AHM Motorsports.

Pasukan Idemitsu Honda Yuzy Racing juga dikatakan bakal mempertaruhakan muka baharu dalam CP150 iaitu Amier Rossi yang sebelum ini bersaing dalam kategori Wira.

Tumpuan untuk saingan di Tangkak sudah pastinya kelas CP125 yang mula diperkenalkan tahun ini bagi menggantikan kelas CP115.

Semua pelumba masih belum biasa mengendalikan jentera CP125 dan keadaan ini bakal menyajikan persaingan sengit di Tangkak nanti.

Sebahagian besar pelumba yang bersaing dalam kelas CP125 adalah barisan pelumba yang beraksi dalam CP115 musim lalu dan sudah pastinya mereka memerlukan sedikit mas auntuk menyesuaikan diri.

Juara keseluruhan kelas Wira musim lalu, Aliff Danial antara muka baharu yang beraksi dalam kelas CP125 dan dia akan membawa cabaran pasukan PETRONAS Sprinta Maju Motor.

Pelumba berusia 17 tahun itu menganggap ia pengalaman baharu buatnya kerana masih belum terbiasa mengendalikan jentera CP125.

"Saya akan berusaha keras dan akan tampil sebagai 'rookie' dalam CP125 ini. Selepas menjalani beberapa sesi latihan, saya sudah boleh menyesuaikan diri dengan keadaan.

"Saya berharap untuk menghasilkan keputusan terbaik pada penampilan pertama dalam CP125 di Tangkak nanti," jelas Aliff.

Apa pun, musim ini bakal menampilkan ramai muka baharu khususnya dalam kalangan pelumba untuk kategori 'one-make race' dan juga kelas Wira.

Justeru, aksi di Tangkak nanti tidak harus dilepaskan kerana ia bakal menyajikan perlumbaan terhebat dan mencabar.

www.yamaha-motor.com.my

YAMAHA
Revs Your Heart

TAMPIL DENGAN WARNA & CORAK YANG LEBIH BERANI

REVOLUSI INOVASI

DISYORKAN UNTUK SEMUA MOTOSIKAL AUTOMATIK

MERAH

KUNING

BIRU

YAMAHA
NVX

Yamaha NVX, sebuah revolusi permotoran baru yang merangkul semua aspek reka bentuk, teknologi enjin serta prestasi.
Sedia meluncur dan membawa anda ke mana saja. Temui pelbagai kecanggihan dan pengalaman baru di setiap tunggangan anda.



Idemitsu Honda Yuzy Racing Tetap Pencabar Utama

PASUKAN Idemitsu Honda Yuzy Racing tidak pernah kenal erti mengalah.

Meskipun mereka sekadar menamatkan kempen di tempat ketiga keseluruhan kategori berpasukan bagi kelas CP150 pada edisi 2019 lalu, ia tetap tidak menjejaskan perjuangan mereka bagi menghadapi saingan musim 2020.

Malah mereka terus mengorak langkah untuk tampil selaku pencabar utama di musim baharu ini apabila masih mengekalkan barisan pelumba yang sama.

Pengurus pasukan, Shahrol Yuzy Ahmad Zaini menegaskan, pihaknya tidak melakukan rombakan besar kerana masih yakin dengan barisan pelumba sedia ada.

Menurutnya, para pelumbanya telah memperlihatkan kemampuan luar biasa pada saingan musim lalu dan dia yakin mereka akan tampil lebih hebat tahun ini.

Pasukan yang mempertaruhkan jentera Honda itu sekali lagi menyandarkan harapan kepada empat pelumba untuk saingan musim ini.

Saingan bagi kelas CP150 akan diketuai Azroy Hakeem Anuar, Md Amirul Ariff Musa serta seorang muka baharu, Md Amier Rossi Amidi yang sebelum ini bersaing dalam kategori Wira.

Shahrol Syazras Shahrol Yuzy pula akan menjadi sandaran dalam kelas CP125.

Azroy merupakan naib juara keseluruhan kategori pelumba bagi kelas CP150 musim lalu dan dia ketinggalan 40 mata di belakang juara keseluruhan, Ahmad Afif Amran (PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing).

Pelumba asal Selangor itu juga telah memperagakan kehebatannya sepanjang musim lalu apabila bergelar juara sebanyak empat kali iaitu di Tangkak, Batu Kawan, Kuala Terengganu serta Sepang.

Pencapaian luar biasa itu telah memberi keyakinan kepada Yuzy bahawa Azroy mampu melonjakkan nama pasukan ke puncak kecemerlangan musim ini.

Namun, seperti biasa, Yuzy tetap memilih untuk merendah diri kerana dia sedar dalam perumbaan seperti ini bermacam halangan boleh berlaku.

"Kami akan tetap memberi cabaran tetapi pada masa yang sama harus bersikap waspada. Dalam perlumbaan macam-macam boleh berlaku dan setiap jentera ayang digunakan tidak semestinya 'perfect' sertus peritus.

"Apa yang pasti kami akan tampil seperti biasa walaupun sudah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi saingan bagi musim 2020.

"Paling utama, pelumba serta jentera kami berada dalam keadaan stabil kerana ia merupakan jaminan untuk meraih kejayaan," jelas Yuzy.

Ditanya kenapa pasukannya sekadar mempertaruhkan seorang pelumba untuk bersaing dalam kelas CP125, Yuzy menjelaskan bahawa ia merupakan antara strategi pasukan agar dapat memberi fokus sepenuhnya terhadap cabaran yang bakal dihadapi dalam kelas baharu itu.

Menurutnya, kelas CP125 memang tiada banyak bezanya, tetapi ia memerlukan kerja-kerja pelarasan yang lebih teliti.

Jika semuanya berjalan lancar, kemungkinan pasukannya akan mempertaruhkan pelumba tambahan untuk bersaing dalam kelas tersebut.

Fokus utama mereka setakat ini adalah untuk menentukan perjuangan mereka pada saingan musim baharu ini berjalan lancar serta konsisten.

CKJ Racing Tekad Pertahankan Kecemerlangan



MUSIM lalu, pasukan PETRONAS Sprinta Yamaha-CKJ Racing telah membuktikan penguasaan mereka pada kejuaraan Cub Prix Malaysia PETRONAS apabila menyapu bersih gelaran juara keseluruhan bagi kelas CP150 dan CP115.

Selain itu, mereka turut bergelar juara keseluruhan bagi kategori pelumba menerusi Ahmad Afif Amran (CP150) dan Ahmad Syukran Aizat Md Yusoff dalam kelas CP115.

Tahun ini, misi mereka tetap sama iaitu untuk terus tampil cemerlang dalam usaha mempertahankan reputasi hebat itu.

Mereka juga sedar bahawa saingan pada musim baharu ini lebih mencabar, namun ia bukan halangan buat pasukan yang berpangkalan di Kemaman, Terengganu itu untuk memburu kemenangan.

Menurut penolong pengurus pasukan, Mohammad Syafari Saad, sebagai persiapan awal, pihaknya telah mengadakan beberapa siri latihan sebelum ini dan tumpuan lebih terarah terhadap penyediaan serta pelarasan jentera.

"Dua elemen utama di beri perhatian serius iaitu persediaan pelumba serta kerja-kerja terhadap penyediaan jentera.

"Kami mahu pastikan dua elemen ini berada dalam keadaan bersedia bagi menjamin kelancaran menghadapi saingan musim 2020 yang pasti lebih mencabar dan sengit," jelas Amir.

Begitupun, mereka tetap mengambil sikap berhati-hati kerana pasukan-pasukan lain juga mempunyai misi yang sama untuk menghadapi saingan musim baharu ini.

Katanya, setiap tahun cabaran di Cub Prix adalah berbeza dan pihaknya perlu bijak mengharunginya, lebih-lebih lagi dengan perubahan kelas CP115 kepada CP125, sekali gus menjadi satu cabaran baharu kepada semua pasukan dan pelumba.

Menurutnya lagi, kerja-kerja menyesuaikan diri dengan jentera untuk kategori baharu iaitu CP125 juga menjadi fokus pasukan tersebut dan pelumba pula perlu cepat memahami bagaimana untuk mengendalikannya dengan baik.

"Setakat ini, boleh dikatakan pasukan kami sudah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi saingan musim 2020 dan berharap barisan pelumba kami dapat menghasilkan keputusan yang baik pada aksi Pusingan 1 di Tangkak nanti," jelasnya.

Musim ini, Ahmad Afif yang merupakan juara keseluruhan pada musim 2019, tetap menjadi sandaran pasukan CKJ Racing untuk mengetuai cabaran dalam kelas CP150.

Selain Afif, pasukan tersebut turut membariskan Md Aiman Tahiruddin dan Md Idil Fitri Mahadi untuk mengalas cabaran pasukan dalam kelas perdana itu.

Bagi kelas CP125 pula, Ahmad Syukran Aizat Md Yusof terus diberi kepercayaan bersama-sama dua lagi pelumba iaitu Saiful Azhary Muhamad dan Awal Md Al Fikri Yusni.

INFO

Pencapaian CKJ Racing di Cub Prix

Kategori pasukan	
2019	Juara keseluruhan (CP150 dan CP115)
2018	Naib juara keseluruhan (CP150 dan CP115)
2017	Naib juara keseluruhan (CP150)
2016	Naib juara keseluruhan (CP130)
2015	Juara keseluruhan (CP130)
2014	Naib juara keseluruhan (CP130)
2013	Juara keseluruhan (CP115)

Aliff Danial
Juara Dalam Pembikinan

MUSIM lalu, Aliff Danial Md Asri berjaya melakar sejarah tersendiri dalam kariernya pada Kejuaraan Cub Prix Malaysia PETRONAS.

Pelumba yang memiliki kemahiran serta bakat luar biasa itu mengakhiri saingan musim 2019 dengan bergelar juara keseluruhan bagi kategori Wira.

Ia pencapaian paling manis dalam kariernya sejak mula menjinakkan diri dengan sukan permotoran seawal usia 9 tahun.

Menyingkap prestasinya pada musim lalu, pelumba asal Tangkak, Johor itu bermula agak perlahan kerana dia sekadar menamatkan saingan di kedudukan ke-11 pada aksi pusingan pertama.

Namun, prestasi tersebut tidak menjejaskan fokusnya untuk tampil lebih baik pada pusingan berikutnya dan ia ternyata berhasil apabila mencatat nama sebagai juara pada Pusingan 2.

Selepas itu rentaknya terus konsisten meskipun berdepan cabaran sengit daripada pelumba pasukan MOS William #LLRKS CYT Racing, Md Zaki Ahmad Zamri.

Dua gelaran juara dan dua gelaran selaku naib juara sudah cukup untuk mengangkat namanya sebagai juara kelas Wira bagi edisi 2019.

Lebih menarik, pelumba berusia 17 tahun itu terus konsisten meraih mata dalam setiap pusingan yang diharunginya.

"Ia detik paling bermakna dalam karier saya.Sesungguhnya, saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh anggota pasukan yang telah bekerja keras untuk menyediakan jentera terbaik buat saya sepanjang musim lalu.

"Kejayaan itu juga telah memberi keyakinan kepada saya untuk terus memantapkan lagi prestasi pada musim 2020 nanti," jelas Aliff yang menggalas cabaran pasukan PETRONAS Sprinta Yamaha-31 Racing pada musim 2019 lalu.

Tahun ini, Aliff bakal beraksi dengan pasukan baharu iaitu PETRONAS Sprinta Yamaha Maju Motor.

Dia akan beraksi dalam kategori baharu iaitu CP125.

Walaupun dia belum terbiasa dengan kategori baharu itu, tetapi dia bertekad untuk melakukan yang terbaik.

"Saya masih dalam proses menyesuaikan diri dan setakat ini semuanya berjalan dengan lancar," jelas Aliff.

INFO

Kedudukan keseluruhan kelas Wira 2019

1.	Md Aliff Danial Md Asri	PETRONAS Sprinta Yamaha-31 Racing	145 mata
2.	Md Zaki Ahmad Zamri	MOS William #LLRKS CYT Racing	133
3.	Awal M Al Fikri Yusni	PETRONAS Sprinta Yamaha-31 Racing	120
4.	Md Haziq Rosmaza	PETRONAS Sprinta Yamaha-31 Racing	107
5.	Md Afizad Supaat	Super KIP Motorsports	78

Hadiah Menarik Menanti Pemenang Kempen Happy Bag

KEMPEN Happy Bag Cub Prix yang telah mendapat sambutan luar biasa musim lalu, akan diteruskan lagi tahun ini bermula pada saingan Pusingan 1 Kejuaraan Cub Prix MalaysiaPETRONAS di Tangkak Johor pada 14-15 Mac ini.

Pelbagai hadiah menarik telah disediakan kepada para pemenang dan apa yang pasti, pemenang hadiah utama cabutan bertuah Happy Bag tersebut bakal membawa pulang sebuah motosikal sama ada jenama Honda mahupun Yamaha.

Seperti biasa, untuk menyertai cabutan bertuah itu, para penonton hendaklah membeli Happy Bag tersebut pada harga RM50 dan ia akan mula dijual gerai promosi Cub Prix pada hari Sabtu dan Ahad ketika berlangsungnya kejuaraan Cub Prix di setiap venue.

Bag tersebut yang bernilai RM100 mengandungi sehelai baju-T Cub Prix edisi terhad, pemegang kunci, baucar bernilai RM5 serta borang menyertai cabutan bertuah.

Para pemenang akan dipilih menerusi cabutan bertuah yang akan diadakan pada hari Ahad, pukul 4.45 petang di podium Cub Prix.

Tahun ini, hadiah utama untuk pemenang cabutan bertuah kempen Happy Bag di Pusingan 1, 3, 5, 7 dan 9 bakal membawa pulang sebuah motosikal Yamaha Y15ZR manakala pemenang bagi Pusingan 2, 4, 6, 8 dan 10 akan membawa pulang sebuah motosikal Honda RS150R.

Hadiah-hadih lain yang disediakan termasuk helmet, spoket, rantai motosikal serta barangan eksklusif Cub Prix.

Dengan hanya RM50, motosikal ini mungkin milik anda!

Sertai cabutan bertuah di Cub Prix Tangkak pada 14 & 15 Mac ini.

Masa Cabutan Bertuah: Ahad 15 Mac 2020 (jam 4.30 petang)

*visual sekadar ilustrasi.

PETRONAS HONDA YAMAHA KOYOKO KYT MAXXIS NGK RCB RK uma racing SCK RACING Yuzy

ZON CubPrix

Kalendar Perlumbaan 2020



MS JIS D 5302 : 2004
PK047501
SIRIM

1st & Only SIRIM
approved motorcycle battery

KOYOKO®
www.koyoko.com.my

180 DAYS WARRANTY

Intelligent Capacity Detector Built-in
Micro-electronic chip



KOJEQ
HISHAMUDDIN BIN MD. RASHID
Duta KOYOKO

BATERI MOTOSIKAL
TERUNGGUL

PELAN PERLINDUNGAN KEMALANGAN INDIVIDU

BAGI PEMEGANG LESEN PERLUMBAAN

Premium Tahunan	2,500.00
Perlindungan:	
Kematian	125,000.00
Kecacatan Kekak	250,000.00
Perbelanjaan Perubatan & Pembedahan	55,000.00
Penghantaran Balik	20,000.00
Pemindahan Perubatan Kecemasan	100,000.00
Kerosakan Kepada Peralatan Perlumbaan	10,000.00
Faedah Bantuan Perubatan	5,000.00

Premium Tahunan	5,000.00
Perlindungan:	
Kematian	125,000.00
Kecacatan Kekak	250,000.00
Perbelanjaan Perubatan & Pembedahan	155,000.00
Penghantaran Balik	20,000.00
Pemindahan Perubatan Kecemasan	100,000.00
Kerosakan Kepada Peralatan Perlumbaan	10,000.00
Faedah Bantuan Perubatan	5,000.00

Peningkatan kepada pelan perlindungan tanpa premium tambahan

- Kehilangan anggota kaki sekurang-kurangnya 5cm berkelayakan mendapat 10% daripada perlindungan kecacatan kekal.
- Kehilangan anggota badan yang tidak boleh disambung semula berkelayakan mendapat 10% daripada perlindungan kecacatan kekal.

Perlindungan kehilangan manfaat pendapatan disediakan dengan premium tambahan

Pembayaran pendapatan bulanan sebanyak RM750.00 setiap minggu sehingga tempoh maksimum 52 minggu kepada individu yang dilindungi sepanjang berada di hospital ekoran kemalangan ketika perlumbaan.

Premium tambahan: RM650.00

SAM SDN. BHD.

Safe Aim Mutual Sdn Bhd (45824-D)
Persatuan Insurans Am Malaysia - regn. no. 02029-00

Untuk mempelajari bagaimana anda boleh meminima dan menguruskan risiko penglibatan anda dalam aktiviti-aktiviti sukan, sila hubungi Safe Aim Mutual Sdn Bhd di:

Tel : **603-8734 8787**

Email : **saminsurance@twmr.com.my**

Premium tertakluk kepada 6% cukai perkhidmatan (jika di bawah nama syarikat) dan RM10,000 duti setem.

- Perlindungan custom-made meliputi semua jenis sukan, acara yang dijalankan, peralatan, para peserta dan kakitangan bertugas.
- Agensi Insurans Motorsports RHB Insurans Bhd.

PETRONAS

Bebaskan Gerakmu

✔ Lancar ✔ Responsif ✔ Efisien

BAHARU

PETRONAS PRIMAX 95 dengan Pro-Drive

Memperkenalkan PETRONAS Primax 95 baharu dengan Pro-Drive. Ia membersihkan enjin, mengurangkan geseran seterusnya memberikan anda pemanduan yang lebih lancar, responsif dan efisien.

Cubalah PETRONAS Primax 95 dengan Pro-Drive hari ini.

PETRONASBRANDS

www.mymesra.com.my